

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROFESOR MADYA SR AZMI HASSAN  
PENSYARAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA(UTM)  
DAN PAKAR GEOSTRATEGIK

OLEH:

MUHAMMAD NABIL BIN IZANI(2020975531)  
MUHAMMAD ADAM SYAFIQ BIN MOHAMED ZAID  
(2020995329)

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2021 – OGOS 2021)

# PENGHARGAAN

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada ALLAH S.W.T, yang telah memberi peluang dan kelapangan masa serta kesihatan yang baik kepada kami untuk menyiapkan tugas berkumpulan ini. Tugas ini disediakan oleh pensyarah yang kami hormati iaitu, Puan Nurulannisa binti Abdullah yang mengajar subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604). Tugas ini ialah berdasarkan kertas kerja yang diberi oleh pihak universiti. Pertama sekali, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah yang telah banyak memberi maklumat yang berkaitan dengan tugas, cadangan dan tunjuk ajar yang bernas dari awal hingga akhir dalam proses menyempurnakan tugas pendokumentasian sejarah lisan ini. Kami sangat menghargai segala nasihat dan masa yang telah diluangkan untuk memastikan kami berada di landasan yang betul bagi menyiapkan tugas ini.

Keduanya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada tokoh yang kami pilih iaitu Prof Madya Dr Azmi Bin Haji Hassan, kerana memberi kerjasama yang amat banyak dalam membantu kami menyiapkan tugas kami. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga kami ucapkan kepada rakan-rakan yang telah banyak membantu kami terutama rakan sekelas kami iaitu dari kelas IM2455B yang banyak memberi idea-idea yang bermutu, berkongsi pendapat dan memberi semangat kerjasama yang tinggi dalam menyelesaikan tugas ini. Selain daripada itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih kami yang tidak terhingga kepada ahli keluarga kami terutamanya kepada ibu bapa kami yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan serta sentiasa mendoakan kejayaan ketika kami dalam proses menyelesaikan tugas ini daripada permulaan sehinggalah semuanya selesai. Akhir sekali, penghargaan juga diberikan untuk semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini. Terima kasih.

# **ABSTRAK**

## Abstrak

*Temubual ini dilakukan bersama Prof Madya Dr Azmi Bin Haji Hassan, seorang Pakar Geostrategi dan untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kerjayanya sebagai seorang pensyarah, Pakar Geostrategi di Malaysia. Temubual ini dijalankan melalui platform atas talian iaitu Google Meet. Temubual telah ditetapkan dengan perbincangan Prof Madya Dr Azmi Bin Haji Hassan pada 20 June 2021 setelah mendapat persetujuan oleh beliau. Beliau merupakan seorang pensyarah yang berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di bawah Fakulti Teknologi Dan Informatik Razak. Baru-baru ini Utusan Malaysia telah menemput beliau untuk mengupas mengenai isu pertahanan, strategik dan geopolitik antarabangsa. Sehingga kini dia telah menulis lebih dari 600 artikel media. Tugas Prof Madya Dr Azmi bukan sahaja sebagai seorang pensyarah malah sebagai seorang pakar geostrategi dan juga pakar penganalisis politik. Beliau sering dijemput oleh pihak media siaran seperti Astro Awani dan juga TV3 untuk mengupas isu-isu semasa. Contohnya, beliau telah dipanggil untuk mengulas isu mengenai MH370, Pandemik Covid-19 dan juga yang terbaru berkenaan tentang isu Vaksin Covid-19. Pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Prof Madya Dr Azmi Bin Haji Hassan lebih-lebih lagi dalam dunia geologis ini. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*

*Kata kunci: Geostrategi, Vaksin, Covid-19, Kerajaan Malaysia, Pakar Geostrategi*

## Abstract

*This interview was conducted with Associate Prof Dr Azmi Bin Haji Hassan, a Geostrategist and to find out about his services in his career as a lecturer, Geostrategist in Malaysia. This interview conducted through an online platform using Google Meet . The date of the interview was 20 June 2021. He is a lecturer serving at University Technology Malaysia (UTM) under the Razak Faculty of Technology and Informatics. Recently, Utusan Malaysia invited him to discuss international defense, strategy and geopolitical issues. To the date he has written over 1000 media articles. Associate Prof Dr Azmi's job is not only as a lecturer but also as a geostrategies and political analyst. He is often invited by the broadcast media such as Astro Awani and TV3 to discuss current issues. For example, he was called to comment on the issue of MH370, the Covid-19 Pandemic and also the latest on the issue of the Covid-19 Vaccine. Various tests and challenges have been faced by Associate Prof. Dr. Azmi Bin Haji Hassan, especially in this geological world. The history of his life and career can be a source of inspiration to everyone.*

*Keywords: Geostategy, Vaccine, Covid-19, Government of Malaysia, Geostrategist*

# ISI KANDUNGAN

## ISI KANDUNGAN

### TAJUK

### MUKA SURAT

Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	x
<b>Transkrip</b>	
Bahagian A: Latar Belakang Tokoh.....	1 - 5
Bahagian B: Pendidikan.....	5- 22
Bahagian C: Sumbangan.....	23- 30
Bahagian D :Harapan.....	30-32
Rujukan.....	33-34
<b>Lampiran</b>	
Log Wawancara.....	36 - 39
Diari Kajian.....	40 - 42
Soalan Temuramah.....	43 - 47
Surat Perjanjian.....	48 - 49
Gambar.....	50 - 51
Indeks.....	52 - 54

# **BIODATA TOKOH**



## **BIODATA TOKOH**



**Nama :** Prof Madya Sr. Azmi Hassan

**Umur :** 61 Tahun

**Tarikh Lahir :** 14 September 1960

**Pekerjaan :** Pensyarah Universiti Teknologi Malaysia

**Bidang :** Geospacial, GPS Satelite dan Ukur Tanah

**Tempat Tinggal :** Kuala Lumpur

**Hobi :** Bermain Tenis dan Membaca Buku

---

**Kampung Asal :** Kelantan

**Nama Isteri :** Faridah Mohd Lazim.

**Nama Anak :** Nadia bt Azmi dan Nadira Bt Azmi

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Prof Madya Sr.Azmi Hassan merupakan anak jati Kelantan yang telah menetap di Kuala Lumpur selama hampir separuh umurnya. Beliau merupakan seorang yang sederhana dalam percakapan dan sangat menghormati orang sekeliling tanpa mengira pangkat dan darjat. Tempat lahir beliau adalah di Tumpat, Kelantan dan bersekolah peringkat rendah di Sekolah Rendah Tumpat dan Sekolah Tuanku Abdul Rahman di Gemas .Di peringkat menengah pula di Sekolah menengah King George ke-5. Beliau menyambung pengajian ke peringkat ijazah di Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Ukur Tanah.Kemudian beliau mengambil Master dengan PhD dalam bidang engineering lebih spesifik lagi adalah dalam bidang GPS satellite di University of Wisconsin–Madison.Seterusnya beliau berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia, Jalan Semarak dalam bidang Ukur Tanah dan Geo Satelite hingga bersara. Perjalanan hidup beliau penuh dengan semangat untuk mendidik anak bangsa mengikut acuan dan ajaran yang betul yakni ajaran agama Islam. Beliau berkahwin dengan isteri beliau iaitu Faridah Mohd Lazim pada tahun 1983. Puan Noriah juga merupakan pereka seni grafik di Universiti Teknologi Malaysia.Sepanjang melayari bahtera bersama dengan Puan Noriah, mereka telah dikumiakan dua orang anak perempuan . Anak sulung mereka iaitu, Nadia bt Azmi bekerja di Cyberview dalam stuktur media dan publisiti, anak kedua pula Nadira Bt Azmi bekerja di AstraZeneca Malaysia bertanggungjawab untuk menjaga vaksin di Malaysia.

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang geopolitik dan geostrategi. Bersama- sama kami ialah Prof Madya Sr.Azmi Hassan yang merupakan pakar geostrategi. Rakaman ini dijalankan secara online menerusi aplikasi google meet. Temubual ini dikendalikan oleh Muhamad Nabil Bin Izani dan Muhammad Adam Syafiq Bin Mohamed Zaid. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### A.LATAR BELAKANG

Adam : Apakah nama penuh Prof dan nama panggilan Prof ?

Prof Azmi : Nama penuh saya Azmi Hassan .Kalau di universiti pangkatnya Profesor Madya dan SR itu pula pangkat professional.

Adam : Bilakah tarikh lahir Prof ?

Prof Azmi : Saya dilahirkan pada 14 September 1960 di Tumpat Kelantan.

Adam : Berapakah umur Prof sekarang?

Prof Azmi : Umur sekarang enam puluh satu pada september.

Adam : Apakah nama penuh ayah Prof ?

Prof Azmi : Haji Hassan Bin Johari.

Adam : Apakah pekerjaan beliau ?

Prof Azmi : Bekerja sebagai pegawai yang menjaga kereta api berulang alik di landasan dan kali terakhirnya di stesen keretapi Gemas,Negeri Sembilan.

Adam : Apakah nama penuh ibu Prof ?

Prof Azmi : Arwah Siti Bt Sheikh Ahmad dan beliau adalah suri rumah sepenuh masa.

Adam : Dimanakah ayah dan ibu Prof menetap ?

Prof Azmi : Asal menetap di Tumpat Kelantan kemudian berpindah ke Gemas Negeri Sembilan dan yang terakhir sebelum bersara 5 tahun di Kuala Lumpur. Kampung asal paling lama menetap di Pasir Mas Kelantan.

Adam : Adik beradik Prof ada berapa orang?

Prof Azmi : Saya ingat 7 orang .Saya yang kedua termuda.Lima masih dan dua dah meninggal dunia.

Adam : Berapa lama tempoh Prof menetap di negeri kelahiran ?

Prof Azmi : Saya sempat bersekolah dari darjah 1 hingga darjah 2 .Lebih kurang 8 tahun tinggal di negeri kelahiran.

Adam : Sekarang prof menetap dimana ?

Prof Azmi : Saya menetap di Kuala Lumpur.

Adam : Apa faktor Prof memilih untuk menetap di sini berbanding negeri kelahiran ?

Prof Azmi : Disebabkan karier saya iaitu hampir tiga suku karier saya di Kuala Lumpur.Selepas bersara lebih mudah untuk menetap di Kuala Lumpur kerana anak-anak saya bekerja di Kuala - Lumpur ini adalah keputusan untuk memudahkan dari segi logistic dan juga keluarga.

Adam : Pada tahun berapa Prof mula menetap di sini ?

Prof Azmi : Sebagai pelajar pada tahun 1978 hinggalah ke sekarang.

Adam : Hobi Prof pula bagaimana ?

Prof Azmi : Kalau dari segi sukan saya suka bermain Tennis .Saya suka membaca buku-buku novel.

Adam : Mengenai latar belakang pendidikan adik-beradik Prof adakah mereka semua berjaya melanjutkan ke Universiti seperti Prof ?

Prof Azmi : Ye kalau ikutkan tiga abang saya mendapat pendidikan di Universiti.Satu di Institut Pendidikan Guru. Dua lagi mendapat pendidikan sehingga tingkatan enam.

Adam : Berdasarkan apa yang kami tahu, Prof sudah mendirikan rumah tangga, pada tahun bila Prof mendirikan rumah tangga?

Prof Azmi : Pada tahun 1983.

Adam : Apakah nama penuh isteri Prof?

Prof Azmi : Faridah Mohd Lazim.

Adam : Pekerjaan beliau pula ?

Prof Azmi : Di UTM [Universiti Teknologi Malaysia] juga sebagai Pereka Seni Grafik

Adam : Prof mempunyai berapa orang cahaya mata ?

Prof Azmi : Dua Orang.Dua-dua ialah perempuan.Yang sulung bernama Nadia bt Azmi dan yang bongsu bernama Nadira bt Azmi.

Adam : Adakah mereka masih belajar ataupun sudah bekerja Prof ?

Prof Azmi : Dua-duanya sudah mula bekerja.

Adam : Jikalau mereka sudah bekerja apakah pekerjaan mereka Prof ?

Prof Azmi : Yang sulung bekerja dengan Cyberview [A Ministry of Finance of Malaysia Owned Company ] di bawah struktur media ataupun publisiti.Yang kedua pula Nadira bekerja dengan AstraZeneca [AstraZeneca Malaysia ].Beliau yang bertanggungjawab untuk menjaga vaksin di Malaysia.

Adam : Berapa orang anak Prof yang sudah mendirikan rumah tangga?

Prof Azmi : Cuma yang sulong dah mendirikan rumah tangga. Yang kedua belum.

Adam : Buat masa sekarang mereka tinggal bersama Prof ?

Prof Azmi : Ye tinggal di Kuala Lumpur bersama -sama saya.

Adam : Bagaimanakah cara Prof mendidik anak-anak Prof sehingga berjaya?

Prof Azmi : Yang paling penting adalah tumpuan daripada ibubapa. Dari sebab itu jumlah anak dikatakan penting berbanding dengan pendapatan. Kalau anak ramai pendapatan tak seberapa susah nak beri perhatian. Bukan perhatian dari segi wang ringgit tapi itu penting memberi pendidikan yang terbaik. Tetapi perhatian dari segi kita meneliti apa yang mereka lakukan dari sekolah rendah sampai peringkat universiti kita ambil tahu. Dan itu amat penting dalam kita memberikan didikan kepada anak-anak kita.

## **B.PENDIDIKAN**

Nabil : Dimana Prof mendapat pendidikan awal/bersekolah rendah?

Prof Azmi : Sekolah rendah daripada darjah 1 hingga 2 di sekolah rendah tumpat saya tak pasti apa yang nama penuh tapi sekolah rendah di Tumpat kerana dia tidak mempunyai nama khas. Daripada darjah 3 sampai darjah 6 saya bersekolah di Sekolah Tuanku Abdul Rahman di Gemas Negeri Sembilan kemudian saya pergi ke sekolah menengah daripada tingkatan satu hingga tingkatan lima saya berpendidikan pelajar di Sekolah Menengah King George kelima di Seremban. Itu kira pendidikan awal early education saya.

Nabil : Pada tahun berapa Prof bersekolah menengah?

Prof Azmi : Sekolah menengah King George ke-5 adalah pada 1972 sampai ke form 5 pada 1977.

Nabil : Semasa zaman persekolahan, adakah Prof aktif bersukan/berpersatuan?

Prof Azmi : Ye kalau sekolah menengah memang saya aktif bersukan kerana setiap murid yang duduk di hostel, saya duduk di hostel ketika itu dia memang aktif sukan dan saya mewakili sekolah



dalam sukan hoki dan juga merentas desa dan kalau nak dikatakan aktif bersukan sememangnya saya aktif.

Nabil : Prof boleh kongsi tak, pencapaian tertinggi yang Prof pernah capai dalam bidang kokurikulum?

Prof Azmi : Kokurikulum di sekolah ?

Nabil : Ye.

Prof Azmi : Kalau pencapaian tertinggi ialah mewakili sekolah bagi acara hoki. dan pada ketika itu pada tahun 1975, 1977 KGV [King George 5] adalah di antara pasukan hoki yang disegani di kawasan Seremban dan Negeri Sembilan. Jadi itu Saya anggap merupakan pencapaian kokurikulum saya yang tertinggi yang boleh dibanggakan sebagai mewakili sekolah dan juga saya mewakili sekolah dalam pancaragam iaitu saya bermain alat flute dan kalau Nabil dan Adam kena ingat pada masa itu pancaragam sekolah tidak banyak. Pada ketika itu dan saingan kami dalam pancaragam adalah Sekolah Tengku Kursiyah di Seremban dan juga sekolah Datuk Abdul Razak di Seremban hanya 2, 3, sekolah sahaja yang mempunyai pancaragam. Kalau nak dikata pencapaian kokurikulum, saya anggap itu pencapaian yang boleh dibanggakan lah.

Nabil : Kalau di peringkat Universiti pula bagaimana prof ?

Prof Azmi : Di peringkat universiti kokurikulum saya tidak terlibat banyak sangat. Kerana kita tahu di universiti ketika itu kokurikulum tidak semeriah pada hari ini. Pada era saya aktiviti kokurikulum yang paling banyak adalah persatuan jadi persatuan umpamanya Persatuan pelajar-pelajar Islam umpamanya ada dan memang saya terlibat lah tapi setakat itu saja kerana kita kena faham bahawa kokurikulum pada Era 70-an di universiti tidak sebanyak nak dibandingkan kita sekarang ini dan

pada ketika itu juga tak ada adalah sukarela dan hari ini ada kredit jadi susah nak dikatakan penglibatan secara serius di universiti.

Nabil : Pada zaman persekolahan mesti Prof mempunyai teman rapat, adakah sampai sekarang Prof masih rapat dengan beliau ?

Prof Azmi : Ya sekolah rendah mungkin dah lupa dah tapi sekolah menengah kita kena berterima kasih lah yang teknologi sekarang yang ada WhatsApp sememangnya memang rapat sebelum pandemik Kami selalu berjumpa dan buat perjumpaan Kami ada dikatakan kumpulan-kumpulan WhatsApp yang kami namakan Georgian. Georgian adalah alames bagi mereka yang pernah bersekolah di KGV dipanggil sebagai Georgian. Jadi ramai kawan-kawan saya semuanya lah asal dari Negeri Sembilan Sebab saya bersekolah di Seremban, Negeri Sembilan dan ada diantara mereka masih menganggap saya ni tak tahu saya orang Kelantan cuma dua tiga orang sahaja ragam sekolah yang tahu saya ni orang Kelantan kebanyakan mereka mengingatkan saya orang Negeri Sembilan. Jadi ya memang betul, bagi nak menjawab persoalan tadi memang saya berhubung rapat dengan ramai kawan-kawan sekolah menengah cuma saya di sekolah rendah saya tidak ingat cuma ada dua tiga orang dari sekolah rendah yang bersama saya dan sekolah menengah kami masih berhubung tapi sekolah rendah di Kelantan saya tiada hubungan sehingga sekarang.

Nabil : Kalau di universiti pulak Prof, kawan-kawan Prof ?

Prof Azmi : Ya ada kerana zaman universiti ini baru lagi dan sama juga pada teknologi WhatsApp, Facebook semua memang saya berhubung dengan mereka dan kebanyakan rakan rakan universiti berada di Kuala Lumpur dan mereka bekerja di Kuala Lumpur, bersara dan menetap di Kuala Lumpur jadi hubungan itu sememangnya sentiasa ada dalam kalangan kalangan pelajar ataupun rakan rakan seuniversiti saya.

Nabil : Baik Prof. Dalam bidang akademik, apakah subjek yang Prof paling minat dan paling tidak minat?

Prof Azmi : Kalau kita bercakap di universiti subjek yang paling saya minati ialah geodesi. Geodesi adalah mata pelajaran mengenai bumi, di campur fizik, ilmu alam maksudnya adalah keadaan bumi itu sendiri kenapa bumi itu terbentuk demikian dan itulah mata pelajaran yang paling saya minati sekali.

Nabil : Kejap ye Prof.

Prof Azmi : Okey, saya sambung yang mata pelajaran yang saya minat tadi lah.

Nabil : Silakan Prof.

Prof Azmi : Kenapa saya minat kerana dia bentuk muka bumi dan saya pasti Adam dengan Nabil sering menggunakan Waze ataupun Google Map dan ia ada mengena dengan geodesi, navigasi dan itu semua termaktub dalam geodesi. Jadi ini dikatakan bahawa mata pelajaran yang saya minat dan mungkin Adam dan Nabil pernah dengar bom pintar peluru berpandu kalau saya bagi analoginya masa Perang Iraq hari tu Amerika Syarikat dia lancar peluru dia jauh dia nak tuju sasaran di Baghdad sasarannya beratus-ratus kilometer jauhnya tapi sampai tempat jadi itu juga termaktub dalam mata pelajaran geodesi.

Adam : Geodesi ni prof belajar dekat universiti ke?

Prof Azmi : Ya belajar di University di UTM sehingga ke peringkat tertinggi saya ambil kursus yang sama termasuk belajar geodesi. Kalau pernah dengar tak GPS satellite tak?

Nabil : Pernah Prof.

Prof Azmi : Kalau yang pakai Waze itu tu semua satelit GPS cantiknya dalam mata pelajaran geodesi kita belajar mengenai satelit dan benda yang berada di ruang angkasa apa yang ada di di lautan jadi itulah apa yang dimaksudkan mata pelajaran geodesi.

Nabil : Kalau subjek yang Prof tidak minati pula bagaimana ?

Prof Azmi : Kalau di universiti paling saya tak minat ialah subjek ukur kadestra. Ukur kadaster kita nak ukur tanah semua itu geran tanah tu benda tu lah itulah benda yang paling saya tak minat sekali dia bukan susah tapi tak minat dan dia ada kena-mengena dengan pejabat tanah semua itu bukan sebab dia susah tapi tidak mendetik minat saya untuk mendalami subjek tersebut.

Nabil : Apakah pengalaman manis dan pahit sepanjang persekolahan?

Prof Azmi : Kalau di sekolah di Sekolah Menengah King George Seremban pada saya masih bersekolah itu pada tahun 1972 hingga 1977 KGV [King George 5] hanyalah salah satu sekolah yang ada kolam renang pada ketika itu dan tidak sekolah yang mempunyai kolam renang pada ketika itu. Sekolah Tunku Kurshiah pun tiada sekolah Dato Abdul Razak pun tiada dan hostel saya bersebelahan dengan kolam renang dan tiap-tiap malam kami penceroboh di kolam renang dan bersuka ria di kolam renang tapi masalahnya adalah pada masa pendidikan jasmani bila time masuk kolam saya dan kawan-kawan Kalau dia budak Melayu dia ponteng dan tak nak pergi kolam tapi malam-malam pergi bukan pergi mandi tau pergi main saja saja dan sehingga sekarang.

Prof Azmi : Walaupun dianggap sebagai kenangan manis saya rasa menyesal kerana tidak pergi pendidikan jasmani berenang sebab sekarang saya tak tahu berenang sampai sekarang tadi itu dikatakan sebagai pelabuhan yang dilepaskan tapi bagi saya itu dikatakan mentaliti budak Melayu pada ketika itu sebab dia duduk di hostel itu semua budak Melayu. Dia orang nakal sikit masa berenang dia tak nak tapi dia nak curi-curi berenang, jadi Kalau nak dikatakan itu kenangan saya tak lupa dan paling beri banyak pengajaran dan juga satu lagi pengajaran Nabil dan Adam, adalah saya pergi dari Gemas saya sekolah rendah dahulu saya mendapat keputusan yang baik pada ketika itu peperiksaan penilaian darjah lima dan saya dapat duduk hostel dan bila duduk hostel dia ada sistem dia:

Prof Azmi : Masa tidur dia ada time dia, masa main dia ada time dia dan masa belajar dia ada masa. Dia regimented tau ikut jadual dan itu adalah cara hidup di hostel dan masa saya form 1 di hostel itu saya duduk di kelas hampir tercorot. Bila saya duduk di hostel saya kena belajar dia panggil prep hours dan masa di hostel saya tahu kalau belajar boleh jadi pandai dan bila exam form 1 tu saya menyalahkan semua orang. Masa itulah pada masa tingkatan 1 baru saya tahu bahawa kalau kita belajar secara konsisten kita boleh jadi pandai. (Ketawa)

Nabil : Kalau zaman Universiti pula bagaimana Prof?

Prof Azmi : Macam biasalah tiada yang menakjubkan cuma saya terkilau kenapa saya pilih kursus ukur tanah Saya memilih kursus tanpa saya tahu apa kursus itu dan saya masih ingat tingkatan 5 di Pasir Mas di rumah yang Nabil duduk sekarang ini, itulah tempat saya memilih apa kursus yang saya ingin ke universiti tak tahu kenapa saya pilih ukur tanah tapi saya tapi saya dapat UITM [Universiti Teknologi Mara] offer [beri tawaran] UTM [Universiti Teknologi Malaysia] offer [beri tawaran] kursus yang sama saya memilih UTM. Lepas saya pergi ke UTM [Universiti Teknologi Malaysia] barulah saya tahu ini rupanya kursus ukur tanah.

Prof Azmi : Jadi sepanjang saya belajar 5 tahun di UTM [Universiti Teknologi Malaysia] itu seolah-olah saya paksa dan saya tak minat pasal ukur tanah ini sebab itu saya minat geodesi sebab geodesi ini lain sikit dia belajar satelit, benda di dalam laut jadi nak dikatakan kenangan itulah kenangan yang saya belajar tapi dalam paksaan saya belajar tapi bila masa saya graduated saya tak buat kerja-kerja ukur tanah ini saya buat kerja lain. Katakanlah Nabil ataupun Adam tengok saya dalam TV seolah-olah saya ni bukan orang ukur tanah saya belajar benda lain dan ini semua sebab minat saya. Di universiti itu kursus apa saja yang kita ambil itu tak penting yang penting adalah proses pelajar itu yang penting kerana apabila kita buat kerja dalam bidang lain kita boleh cemerlang dalam bidang yang kita suka jadi itulah yang dikatakan kenangan semasa saya belajar di universiti.

Nabil : Okey Prof, masa tu diploma ke degree?

Prof Azmi : Degree [ijazah] dan sekarang baru saya ingat Kenapa saya pilih UTM [Universiti Teknologi Malaysia] sebab masa tu UITM [Universiti Teknologi Mara] dia offer [beri tawaran] Diploma Ukur Tanah tapi UTM [Universiti Teknologi Malaysia] dia terus bagi Ijazah Sarjana Muda Ukur Tanah. Masa saya nak buat pemilihan itu tiada siapa yang nak bagi nasihat kepada saya dan saya buat keputusan sendiri lah sebab itu saya pilih ukur tanah yang saya tidak tahu subjek apa dan sebab itu saya pilih UTM [Universiti Teknologi Malaysia] kerana dia bagi offer degree terus.

Nabil : Selepas tamat persekolahan, adakah Prof terus melanjutkan pelajaran atau bekerja dahulu?

Prof Azmi : Lepas graduate itu saya dianggap sebagai pelajar cemerlang lah Kalau sekarang dean list lah masa dulu tiada dean list tadi beberapa orang Pelajar Cemerlang diambil oleh UTM [Universiti

Teknologi Malaysia] selepas grad UTM [Universiti Teknologi Malaysia] offer [beri tawaran] terus untuk menjadi pensyarah pada ketika itu dia ada skim penolong pensyarah A, mereka yang masuk universiti yang hanya ada first degree [ijazah] menjadi penolong pensyarah A, bekerja tiga empat tahun kemudian saya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

Nabil : Adakah Prof mengambil tahap lanjutan dalam pendidikan tinggi?

Prof Azmi : Selepas bekerja di UTM [Universiti Teknologi Malaysia] tiga empat tahun saya bekerja pada tahun 1983 dan kemudian tahun 1985 saya melanjutkan pelajaran dalam bidang Sarjana di University of Wisconsin–Madison sehingga tahun 1987 kemudian balik dan tahun 1992 saya melanjutkan ajaran dalam bidang kedoktoran di universiti yang sama Amerika Syarikat 6 tahun dan kemudian balik bekerja di UTM [Universiti Teknologi Malaysia] sehingga pencen.

Nabil : Apakah kursus yang Prof ambil ketika itu ?

Prof Azmi : Kursus yang diambil kena mengena dengan ukur tanah sebab kena bersambung dengan first degree [ijazah pertama] tapi Master [sarjana] dengan PhD saya dalam bidang engineering lebih spesifik lagi adalah dalam bidang GPS satellite. Jadi kalau nak dikatakan kepakaran sebenar saya adalah dalam bidang GPS satellite. Sebab tu kalau Adam dengan Nabil masih ingat kehilangan MH370, saya banyak bercakap kerana itu adalah bidang kepakaran saya juga tentang tembakan Pesawat MH17 yang kena tembak di Ukraine itu juga ada kena-mengena dengan GPS satellite nanti thesis PhD saya, supervisor saya apply patent thesis itu ialah satu kaedah yang perlu dipertahankan sebab itu dia di patent kan. Jadi itu yang dikatakan bidang yang saya minati berbanding apa yang saya belajar semasa di UTM Ijazah Ukur Tanah itu. Ukur tanah saya tidak minat tapi apabila pergi ke peringkat Sarjana dan Kedoktoran saya beralih saya ambil perkara yang saya betul-betul minat.

Nabil : Adakah prof ambil kursus tu kerana minat?

Prof Azmi : Ya kerana minat dan kenapa saya memilih Universiti Wisconsin tu sebab belajar di UTM [Universiti Teknologi Malaysia] buku-buku rujukan itu banyak datang dari pensyarah dari Universiti Wisconsin. Buku geodesi sebab itu saya memilih Universiti Wisconsin kerana ada pensyarah itu. Dan apabila saya pergi ke Universiti Wisconsin saya jumpa pensyarah itu dan saya belajar di bawah pensyarah tersebut.

Nabil : Prof masih ingatkah tahun berapa prof sambung Master dan PhD tu?

Prof Azmi : Peringkat Sarjana pada tahun 1985 sampai 1987 saya balik ke UTM [Universiti Teknologi Malaysia] saya bekerja 3 tahun dan 1992 sampai 1996 tu pula bidang kedoktoran di universiti yang sama bidang cuma lanjutan saja pelajaran tersebut.

Nabil : Adakah Prof berhasrat untuk mengambil kursus tersebut?

Prof Azmi : Saya tiada pilihan kerana ijazah saya bidang ukur tanah jadi saya kena ambil kursus yang dekat-dekat dengan dia

Nabil : Yang berkaitan.

Prof Azmi : Ye yang ada berkaitan, tapi sebenarnya saya mengajar saya masih mengajar GPS satellite itu adalah di UTM Skudai. Saya rasa selepas 10 tahun lepas saya grad itu saya graduate tahun 1998 PhD dan selama 10 tahun saya mengajar GPS satellite tapi dalam hal itu bukan saya kurang minat tapi saya ingin kembangkan pemikiran saya sebab itu sekarang maksud sedikit demi sedikit saya tentang Hal Ehwai antarabangsa, tapi permulaannya itu ber daripada GPS satellite dan saya masih ingat siaran TV tanya saya berkaitan dengan peperangan Afghanistan dan peperangan di sana banyak menggunakan bom bom yang di navigasi oleh GPS satellite dan dari situlah saya berpindah sedikit demi sedikit ada perkara yang saya minat itu bercakap tentang hal hal ehwal semasa termasuk politik, peperangan, politik antarabangsa tapi asasnya adalah pelajaran Saya mengenai GPS satellite.

Nabil : Pada pendapat Prof, adakah teman seperjuangan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran Prof ?

Prof Azmi : Kalau nak didefinisikan teman perjuangan itu saya tak tahu nak ambil yang mana lah tapi kalau nak dikatakan faktor yang mendorong saya belajar saya akan katakan itu adalah kehendak diri saya sendiri. Dalam perjalanan itu saya cuba memperbaiki diri saya sendiri umpamanya dalam kursus Sarjana Muda itu saya tidak minat saya ambil kursus yang lain sikit sebab itu apabila saya pergi ke Amerika Syarikat saya ambil kursus yang lain sikit tapi selepas mengambil

kursus Sarjana dan kedoktoran itu saya masih tidak puas hati dan saya tukar sebab itu sehingga sekarang saya bercakap perkara dan kalau tanya orang siapa Azmi Hassan dia tidak akan terfikir saya ni kepakaran saya ini adalah GPS satellite. Dia ingat saya ini political scientist sebab cakap pasal politik.

Prof Azmi : The moral of the story ialah mendorong diri sendiri dan Kita mesti buat apa yang kita suka Sebab lazimnya apabila kita buat sesuatu yang kita suka kita akan buat yang terbaik tapi yang pentingnya latar belakang tu mesti ada dan latar belakang saya ialah pengajian PhD, Master itulah latar belakang saya. Kerana ini akan mengajar kita apabila kita bercakap kita tidak boleh cakap semberono kan sesetengah cakap sembrono je kan kalau kita ada latar belakang akademik yang bagus apabila kita bercakap kita mesti berlandaskan fakta jadi itu yang pentingnya. Kursus-kursus yang kita ambil itu semua tidak penting tapi apa yang pentingnya proses pembelajaran.

Nabil : Baik Prof. Apakah tahap pendidikan tertinggi Prof buat masa sekarang ?

Prof Azmi : Ya kalau dikira akademik itulah tahap tertinggi iaitu PhD.

Nabil : Okay kita beralih kepada seksyen seterusnya iaitu pekerjaan awal. Apakah pekerjaan pertama Prof setelah tamat pengajian?

Prof Azmi : Pekerjaan yang pertama dan yang terakhir adalah kerja yang sama iaitu sebagai pensyarah di UTM [Universiti Teknologi Malaysia], saya tidak pernah keluar dari UTM [Universiti Teknologi Malaysia]. Masuk UTM [Universiti Teknologi Malaysia] 1983 sebagai penolong pensyarah single lah saya bersara 2020 sebagai pensyarah juga jadi itulah pekerjaan yang pertama dan yang terakhir iaitu mengajar universiti.

Nabil : Di UTM mana tu Prof masa mula-mula Prof mengajar?

Prof Azmi : Mula-mula di UTM Jalan Semarak sekarang ni dipanggil Jalan Sultan Yahya Petra dan dulunya dipanggil UTM jalan Gurney kemudian tukar kepada UTM Jalan Semarak sekarang ni di UTM Kuala Lumpur dari 1983 hingga 1984 macam tu saya pindah ke Skudai kerana pada ketika itu



UTM Skudai dibangunkan dan saya bekerja di sana sehingga 2003 saya pindah balik ke Kuala Lumpur pada 2003 sehingga saya bersara pada tahun 2020.

Nabil : Apakah faktor yang menyebabkan Prof bekerja di situ ?

Prof Azmi : Faktor utama sepertimana saya memilih kursus ukur tanah tanpa tahu apa dia kursus itu dan saya memilih UTM [Universiti Teknologi Malaysia] kerana dapat offer [tawaran] daripada UTM [Universiti Teknologi Malaysia] sendiri untuk menjadi penolong pensyarah Dan saya tidak mahu bekerja di Jabatan Ukur Tanah. Sebab saya tahu bekerja dengan Jabatan Ukur Tanah saya kena ukur tanah dan saya tidak suka perkara itu jadi ini kira peluanglah untuk lari sikit daripada kerja ukur tanah sebab itu saya memilih karier akademik. Dan karier akademik itu saya suka kerana ianya bebas kerana siapa yang akan suruh maknanya tiada bos yang tiap-tiap hari akan menyuruh kita buat-buat ni tapi saya pilih ini saya tidak tahu pun saya ada tahu apabila saya sudah mula bekerja tapi pendorong utama nya ialah kerana saya mendapat tawaran daripada UTM [Universiti Teknologi Malaysia] .

Nabil : Siapa yang mendorong Prof untuk bekerja di situ?

Prof Azmi : Yang mendorongnya ialah yang memaksa nya ialah pensyarah saya sendirilah. Sebab pensyarah itu yang mengatakan tawaran ini bagus kerja di UTM [Universiti Teknologi Malaysia] jadi kalau nak kira dorongan tu ialah daripada pensyarah-pensyarah senior saya di UTM [Universiti Teknologi Malaysia] itu sendiri.

Nabil : Okay kita beralih kepada pengalaman kerja pula. Jika Prof masih ingat bilakah Prof mula berkhidmat sebagai seorang pensyarah?

Prof Azmi : Saya graduate 1983, dan dua bulan selepas graduate itu cuma dua bulan sahaja tidak bekerja selepas itu UTM [Universiti Teknologi Malaysia] tawar dan saya terus bekerja tapi pada masa itu saya masih belum mengajar lagi dan saya mengajar selepas setahun sebagai pensyarah barulah saya dibenarkan mengajar jadi itulah dikatakan sebagai pengalaman pertama saya mengajar pelajar-pelajar subjek ukur tanah di UTM Kuala Lumpur.

Nabil : Sepanjang setahun tu Prof kena masuk kursus ke?

Prof Azmi : Ya, terdapat kursus iaitu pra pensyarah, bagaimana kita nak mengajar tapi kursus dikira kursus dalaman universiti yang tawaran sebagai persediaan kita untuk mengajar pelajar-pelajar universiti.

Nabil : Kenapa Prof memilih untuk menjadi seorang pensyarah?

Prof Azmi : Sebab saya macam dipaksa lah Tapi kalau nak diikutkan pada ketika itu pada tahun 1983 itu apabila saya graduate cuma ada dua pilihan untuk bekerja di jabatan ukur dan satu di universiti. Mungkin pada ketika itu saya tengok popular nya lebih universiti jadi itu ganti katakan selain saya ditawarkan kemungkinan pilihan saya tidak banyak bekerja di luar saya kena bekerja di Jabatan Ukur dan saya tak nak Saya memilih untuk bekerja di universiti.

Nabil : Apakah tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Prof ?

Prof Azmi : Tugasnya lebih kurang macam cikgu juga iaitu untuk mengajar dan tetapi pada ketika itu penyelidikan tidak banyak lagi. Penyelidikan telah menjadi trend [ikutan] di universiti saya rasa selepas 10 tahun saya bekerja iaitu pada tahun awal 2000. Tugas lain pensyarah selain mengajar, grading paper pelajar pelajar universiti, adalah menjalankan penyelidikan. Kalau nak diikutkan dari segi peratusan nya kebiasaan saya mengajar 30 peratus sahaja iaitu waktu saya bekerja, yang selebihnya ialah menjalankan penyelidikan iaitu termasuk kerja-kerja perundingan. Kalau nak mengajar 100 peratus di sekolah kerana di sekolah lain sikit kerana cikgu memang 100 peratus waktunya mengajar tetapi di universiti lain kerana di universiti lebih cenderung menjalankan penyelidikan

Nabil : Boleh Prof kongsi pengalaman pahit ataupun manis sepanjang Prof pekerja di UTM.

Prof Azmi : Sepanjang bekerja di UTM [Universiti Teknologi Malaysia] itu masa saya mula-mula masuk UTM [Universiti Teknologi Malaysia], selepas 6 bulan saya mendapat tawaran bekerja di Universiti Malaya sebagai pensyarah juga. Dan saya pergi temuduga di Universiti Malaya dan Universiti Malaya terima sebagai pensyarah mereka dan saya bagi tahu naik canselor saya yang ketika itu Arwah Tan Sri Ayudin Wahed, beliau kata jangan pergi sebab pada ketika itu pensyarah

bumiputra amat kurang sekali dan UTM [Universiti Teknologi Malaysia] memerlukan pensyarah bumiputera dan UTM [Universiti Teknologi Malaysia] halang saya pergi ke Universiti Malaya. Jadi itu yang dikatakan pengalaman pahit ke manis kerana jika saya pergi ke Universiti Malaya mungkin karier saya akan berubah perbandingan tinggal UTM [Universiti Teknologi Malaysia] tetapi itulah dikatakan pengalaman pertama yang saya hadapi sebagai pensyarah menghadapi birokrasi kerana tidak dibenarkan berpindah ke Universiti Malaya.

Nabil : Boleh Prof kongsi sedikit rahsia kejayaan Prof. Apakah rahsia itu.

Prof Azmi : Rahsia kejayaan saya ialah saya bawa kehidupan saya di hostel semasa sekolah menengah di King George 5, kerana saya percaya bahawa kita berusaha secara konsisten ajar secara konsisten dan banyak membaca itu dikatakan bahawa kita boleh cemerlang dengan apa sahaja yang kita buat dan kita kena buka fikiran supaya kita jangan bagus dalam bidang kita belajar sahaja. Masalahnya adalah, saya lihat sesetengah pelajar universiti yang saya ajar, dia masuk universiti kadang-kadang dia punya CGPA [gred purata] tinggi tapi dia orang bagus tidak itu sahaja tapi jika saya tanya keluar sikit daripada bidang mereka iaitu pengetahuan am mereka tersangkut. Jadi itulah masalah pelajar kita sekarang kerana kita kena tahu semua perkara bukan sahaja apa yang kita belajar tapi tentang semua perkara. Itulah dikatakan pegangan sayalah sebab itu saya suka baca buku cerita iaitu novel. Kerana dengan membaca novel ini kita dapat tahu apa yang sebenarnya terjadi waktu sekarang ini. Novel ini dia menceritakan sebenar tetapi dalam bentuk cerita jadi itu yang pentingnya kita kena banyak membaca untuk kita berjaya dalam apa sahaja yang kita lakukan.

Nabil : Boleh Prof kongsi tak 1 novel yang Prof minati.

Prof Azmi : Saya minat dua novel. Pertama adalah Salman Rushdie. Pernah dengar Salman rushdie tak?

Nabil : Tak pernah Prof.

Prof Azmi : Dia beragama islam dan dia menjadi kontroversi kerana buku novel the Satanic Verses. Buku ini mengandungi bahagian-bahagian yang menghina Nabi Muhammad SAW dan buku itu diharamkan di Malaysia. Walaupun diharamkan saya ada buku itu saya beli di Amerika Syarikat.

Selain daripada buku *Satanic Verses*, Salman Rushdi ini cukup bagus bercerita tentang kehidupan beliau semasa di India dan sekarang beliau berada di London dan pernah satu ketika keluarnya buku itu, Spiritual Leader Iran telah mengeluarkan fatwa bahawa Salman Rushdi boleh dibunuh kerana menghina Nabi Muhammad dan Salman Rushdi ini mendapat perlindungan polis di London dan saya rasa sehingga sekarang petua itu masih kekal. Maksudnya saya minat membaca buku cerita novel beliau adalah menceritakan keadaan di India. Yang kedua adalah Orhan Pamouk. Beliau seorang orang Turki dan dia menulis novel dalam bahasa Turki tapi dia alihkan bahasa ke dalam bahasa Inggeris. Kenapa saya minat adalah kerana dia menceritakan keadaan Turki satu ketika dahulu yang kita tak dapat baca kalau kita tidak baca novel dia. Dan 2 novel inilah yang saya minati Salman Rushdi dan Orhan Pamouk.

Nabil : Baik Prof, terima kasih. Disebalik kejayaan Prof, siapakah pendorong utama Prof untuk berjaya?

Prof Azmi : Bagi saya adalah keluarga sayalah. Maksudnya setelah berumah tangga, setelah mendapat anak jadi mereka jadi pendorong utama kepada saya untuk melakukan sesuatu dengan terbaik. Bila bercakap itu seboleh-bolehnya kita tidak boleh berat sebelah, kita kena bercakap dengan fakta, jadi itu dikatakan pendorong di belakang adalah keluarga kita sendiri.

Nabil : Pernah ke Prof menghadapi saat-saat kejatuhan dan bagaimana Prof menghadapinya?

Prof Azmi : Ya, bagus saya suka soalan ini, itu nak kata saat saat kejatuhan tapi ia memberi pengalaman kepada saya. Seingat saya ini berlaku pada sekitar 2013 saya bercakap di Melaka ketika itu dalam satu forum tertutup dan forum itu banyak dihadiri ahli-ahli UMNO dan saya mengkritik pada ketika itu Perdana Menteri ketika itu Tun Abdullah Ahmad Badawi dengan kritik yang positif kerana masalah itu antarabangsa iaitu masalah Israel. Dia ada kena mengena dengan masalah Malaysia, Israel dengan Singapura. Dan saya kritik dasar kerajaan kita pada ketika itu Ketua Menteri Melaka pada ketika itu Tun Ali Rustam yang pada ketika ini menjadi Yang Dipertua Melaka, beliau tidak suka saya kritik depan-depan orang ramai terhadap Perdana Menteri dan bermula pada hari itu saya telah digantung dan digam dan tak boleh keluar dalam media, tidak boleh keluar dalam TV selama 3, 4 tahun jugak. Dan daripada itu saya belajar, kalau saya nak kritik secara terbuka saya kena berhati-hati tengok siapa penonton kita. Dan jadi itu dikatakan pengalaman pahit

bagi saya tapi ia memberi pengajaran kepada saya sebagai penjawat awam kita kena berhati-hati sebab semasa saya kritik itu saya adalah seorang penjawat awam dan tak boleh mengkritik dasar kerajaan. Kalau Nabil tengok sekarang, selepas bersara ini saya bebas saya boleh mengkritik, saya kritik kerajaan, saya kritik pembangkang, kiri kanan saya bantai. Sebab itulah kita kena berhati-hati tapi itulah pengalaman yang banyak memberi pengajaran kepada saya.

Nabil : Baik Prof. Apakah masalah yang selalu dihadapi Prof semasa menjadi seorang pensyarah?

Prof Azmi : Ya sebelum saya bercakap mengenai hal politik ini, dia tiada masalah sangat yang kritikal, yang masalahnya selepas saya bercakap dalam media di TV, di surat khabar adalah kekangan sebagai seorang penjawat awam lah. Ada yang satu kita lihat tapi kita tidak boleh kritik, kita perlu kritik tapi kita tidak boleh sebab ini boleh melanggar dasar negara, dasar kerajaan pada ketika itu. Contoh lah saya ambil satu isu, isu 1MDB. [1 Malaysia Development Berhad]

Nabil : Ye Prof, 1MDB.

Ye 1MDB [1 Malaysia Development Berhad] ok, saya tahu itu isu-isu sensitif dan bagi saya susah nak kritik kerajaan tapi dalam hati saya kena bantu kerajaan tapi susah sebab kita tahu perkara ini yang sebenarnya berlaku. Dan itu dikatakan menyukarkan dan kalau nak dikatakan isu ini pada 2016, antara orang pertama yang membincangkan 1MDB [1 Malaysia Development Berhad] ini ialah wacana Sinar Harian iaitu Akhbar Sinar Harian.

Prof Azmi : Pernah dengar tak Sinar Harian?

Nabil : Ye Prof, pernah.

Prof Azmi : Pada ketika itu sayalah yang menjadi panelnya, dia ada tiga orang final yang pertama ialah Rafizi satu Rafizi PKR [Parti Keadilan Rakyat] kan dia memang tentang mengenai 1MDB [1 Malaysia Development Berhad] ini, dan satu lagi panel adalah Datuk Khairul daripada ketua pemuda Johor pada ketika itu iaitu bagi pihak kerajaan dan saya ni dikira natural dari bidang akademik, dan pada ketika itu moderatornya adalah Maszlee.

Prof Azmi : Ingat tak Maszlee, Menteri Pendidikan dahulu? Saya tidak ingat nama penuh dia.

Nabil : Ye Prof, saya ingat.

Prof Azmi : Dan dia sebagai moderator, saya ingat memang sukar untuk bercakap 1MDB untuk menjadi neutral memang payah. You nak sokong senang, Datuk Khairul nak sokong senang, Rafizi dia nak bantai senang dan saya yang neutral yang tengah-tengah. Jadi ini sebagai penjawat awam amat sukar lah, sebab itu selepas bersara lega sebab apa benda yang saya cakap orang tak boleh tegur saya. Sebab semasa saya berkhidmat universiti selalu tegur saya cuma saya buat tak tahu je. Selalu ditegur sebab dah beberapa kali sebenarnya saya melanggar dasar kerajaan tapi ia menyusahkan kita dan ini yang dikatakan kesukaran yang dihadapi Kita sebagai penjawat awam lebih lagi sebagai pensyarah apabila bercakap itu kena berhati-hati.

Nabil : Baik Prof. Bagaimanakah Prof membahagikan antara masa untuk bekerja dan masa untuk keluarga?

Prof Azmi : Dia kalau masih bujang itu senanglah, fokusnya seratus-peratus menumpukan kepada karier. Tapi pensyarah ini dia tiada waktu, dia bukan bekerja daripada pukul 8 hingga pukul 5, tidak. Ianya berterusan sebab kita kena melakukan penyelidikan itu dikatakan pensyarah dia tiada punch card dan saya pun tidak setuju dengan punch card, sebab kita bekerja lebih daripada pukul lima. Sebab kita kena melakukan penyelidikan tak kira waktu, bukan sahaja tengah malam tetapi kita terpaksa keluar, kenapa bila kita keluar itu kita bekerja 24 jam. Jadi banyak pengorbanan yang kita terpaksa lakukan tapi baiknya kita menjalankan penyelidikan sebagai pensyarah ini waktu kita susun sendiri mana yang sesuai dan mana tidak sesuai. Jadi itu yang dikatakan kadang-kadang Nabil tengok tugas pensyarah itu mudah, mengajar je kan sebenarnya mengajar itu tiada benda, melakukan penyelidikan itu yang memerlukan masa dan pengorbanan waktu yang banyak sekali terpaksa difahami oleh semua orang.

Nabil : Prof berkhidmat sebagai pensyarah berapa lama ?

Prof Azmi : Daripada 1983 hingga 2020 jadi saya rasa, kira sendirilah (ketawa).

Nabil : (Ketawa)

Prof Azmi : Berapa tahun itu, 37 tahun ya.

Nabil : 37 tahun berkhidmat sebagai seorang pensyarah.

Prof Azmi : Berkhidmat sebagai penjawat awam, sebagai pensyarah ya. 37 tahun maknanya itu pekerjaan pertama sehingga bersara.

Nabil : Sepanjang Prof menjadi seorang pensyarah, apakah sumbangan Prof kepada negara ?

Prof Azmi : Saya ambil sumbangan yang paling saya suka lah dan yang boleh dibanggakan adalah apabila saya cakap di media, bukan saja orang ramai yang ingat perkara itu tetapi saya pasti pengubah pengubah dasar ini termasuk orang-orang politik juga terkesan dengan apa yang saya cakap dan saya membuat anggapan saya bercakap itu adalah untuk kepentingan negara. Jadi itu yang dikatakan sumbangan yang memberi buat kepada negara sebab pernah beberapa kali search saya menunggu anak saya di sekolah di Johor Bahru pada ketika itu saya berjumpa dengan seorang yang menunggu anak juga dan dia bercakap tentang yang saya tulis di akhbar dan dia yang bercakap itu dia tidak mengenali saya. Dia bercakap itu seolah-olah dia yang menulis dan saya pun dah tak ingat apa yang saya tulis. Saya banyak menulis di akhbar di berita harian di Berita Harian, New Straits Time kali terakhir di Utusan Malaysia, maksudnya apa yang saya tulis itu diingati oleh orang lain dan saya pasti apa yang saya tulis tu Tak kiralah tentang apa jua politik ke, pertahanan ke ia juga dibaca oleh ahli politik ataupun penggubal penggubal dasar. Kerana pada 2003, ketika itu Tun Mahathir Perdana Menteri, saya banyak menulis tentang Singapura. Dan di parlimen Singapura, Menteri Luar Singapura pada ketika itu Professor Jagakumar, sebut nama saya Azmi Hassan di Parlimen Singapura. Beliau mengatakan bahawa Azmi Hassan itu adalah seorang penghasut perang kepada orang Melayu, dan kenapa beliau kata macam tu sebab masa itu saya menulis dalam Berita Harian, dan artikel-artikel saya amat kritikal terhadap Singapura dan sebab itu Singapura tidak suka pada saya pada ketika itu. Jadi itu adalah sumbangan saya ada negara, apabila saya bercakap saya menjaga maruah negara jadi harapan nye dan saya rasa ini berlaku, Penggubal Dasar, orang politik sehingga Perdana Menteri sekalipun sudah pasti akan mengambil kira apa yang saya cakap. Tadi itu yang dikatakan sumbangan saya kepada negara secara tersirat.

Nabil : Baik Prof. Okey Prof semasa saya mencari maklumat Prof di internet, berdasarkan kajian Prof Pernah bekerja pernah bekerja di Institute of Geospatial betul ke?

Prof Azmi : Betul tu Institute of Geospatial itu adalah Institut Penyelidikan di UTM [Universiti Teknologi Malaysia], biar saya berterus-terang geostrategis itu bukan jawatan UTM [Universiti Teknologi Malaysia], dan UTM [Universiti Teknologi Malaysia] juga tidak suka saya geostrategis, kenapa ini kerana geostrategis saya buat-buat je. Sebab kalau kalau bercakap dalam media, Azmi Hassan adalah seorang pensyarah dia nampak lekeh tau, bukan pensyarah itu lekeh tapi biasa. Sebab itu saya menggelarkan diri, ini branding tau, branding itu penting, persepsi, dan dalam kamus tiada perkataan geostrategi, carilah dalam Google tu memang tiada dan kenapa saya menggunakan geostrategi adalah untuk mengaburi mata dan telinga orang yang mendengar itu. Sebab perkataan yang you tak pernah dengar dan Nabil dan Adam mesti tak pernah dengar perkataan itu, apabila dengan Azmi Hassan seorang geostrategis ini mesti hebat ni. Ini yang dikatakan persepsi itu penting apabila bercakap dengan media itu adalah persepsi. Dan apabila Nabil tengok jawatan saya sebagai geostrategis itu tak betul tu sebab tiada jawatan itu cuma saya yang pandai-pandai memanggil dan ianya melekat sehingga sekarang dan orang lain tak boleh claim [mendakwa] dia itu geostrategis sebab apa, sebab benda tu tiada.

Nabil : Baik Prof, Ok Prof. Apa itu Institute of Geospatial?

Prof Azmi : Institute of Geospatial adalah institut yang menjalankan penyelidikan geospatial dan geospatial boleh didefinisikan sebagai satu kepakaran mengenai lokasi. Maksudnya, Mungkin pernah dengar GIS iaitu Geographic Information System dia lebih kurang geospatial lah dia benda yang sama juga. Jadi kalau kita lihat sekarang pangkalan data mengenai peta itu ada kena-mengena dengan geospatial. Geo adalah geografi, dan spatial adalah mengenai lokasi itu yang digabungkan menjadi geospatial. Dan satu lagi Nabil jika kita nak kaitkan geospatial dengan yang kita pakai tiap-tiap hari ni, Waze dan Google Maps dia ada kena-mengena dengan geospatial, maknanya kita memerlukan kepakaran geospatial untuk membangunkan aplikasi tersebut.

Nabil : Apakah peranan Prof semasa berkhidmat di Institute of Geospatial ?

Prof Azmi : Peranan saya ?

Nabil : Ye.



Prof Azmi : Peranan saya sebagai penyelidikan, kerana di universiti pada ketika itu seorang pensyarah perlu mengaitkan diri dengan institut penyelidikan sebab 70 peratus kerja kita adalah penyelidikan. Jadi kita kena bersama-sama institut, jadi saya di sana adalah selain geostrategis, saya juga sebagai penyelidik melakukan penyelidikan dalam bidang berkaitan institut tersebut.

Nabil : Saya juga dapat tahu Prof juga pernah bekerja di Perdana School, betul ke ?

Prof Azmi : Ya betul sama juga dengan Institute of Geospatial, Perdana school ataupun Sekolah Perdana adalah sebuah institute juga tetapi dipanggil sekolah yang menjalankan penyelidikan mengenai dasar sains dan teknologi. Sama juga peranannya adalah penyelidik, dulu saya menjalankan penyelidikan dalam geospatial, tapi di Sekolah Perdana, saya banyak menjalankan penyelidikan mengenai dasar-dasar berkaitan sains teknologi dan inovasi.

Nabil : Bagaimana Prof ditawarkan untuk bekerja di Perdana School dan INSTeG ?

Prof Azmi : Sebenarnya itu adalah Institut dalaman universiti, sama ada saya ditawarkan ataupun meminta saya pun tak ingat. Tetapi kita memasuki sebuah institut itu kita mesti mempunyai kepakaran dikehendaki oleh Institut itu. Jadi bila saya masuk Institute of Geospatial, saya ada kepakaran dalam geospatial, dan bila saya masuk ke Sekolah Perdana saya ada kepakaran dalam menjalankan kajian mengenai dasar ataupun mengenai polisi. Jadi yang pentingnya sama ada kita ditawarkan ataupun kita mohon untuk masuk kita boleh dikatakan menyumbang terhadap institut yang kita masuk.

Nabil : Okey Prof, adakah Prof lebih selesa dalam bidang pendidikan ataupun dalam bidang politik ni Prof?

Prof Azmi : Ya saya bermula dalam bidang pendidikan, tapi saya berakhir dalam bidang bukan dalam bidang politik tapi saya bercakap tentang politik, saya analisis dalam hal-hal politik tapi memang betul saya lebih selesa bercakap mengenai hal-hal politik kerana audiens [penonton] lebih besar. Kalau saya cakap dalam bidang kepakaran saya dalam media audiens tidak banyak. Saya ingat saya bercakap dalam bidang kepakaran saya dua perkara sahaja dalam media, iaitu ketika kehilangan MH370 dan juga insiden tembakan MH17 2016 itu saja. Tapi kalau bercakap dalam

bidang politik saya pernah bercakap di mana-mana saja. Kalau nak dikatakan saya lebih selesa, ya saya lebih selesa buat analisa ataupun bercakap mengenai tentang tentang politik tempatan luar negara.

Nabil : Baik Prof, okay kita beralih kepada Adam. Boleh teruskan Adam.

### **C.SUMBANGAN**

Adam : Secara ringkas ,apa itu geostrategi prof?

Prof Azmi :Geostrategi adalah satu ungkapan yang saya buat mengaitkan dua bidang utama geo adalah bidang yang saya pelajari iaitu geomatic dan seperti nabil kata takdi geospatial . Geomatic adalah mengenai geomatic engineering mengenai navigasi dan lokasi di dunia.Strategi adalah hal - hal politik.Jadi saya gabungkan kedua duanya.Jadi kalau nak kata apakah sumbangan saya dalam bidang ini ialah saya banyak memberi pendapat ,banyak membuat analisis dalam hal-hal berkaitan politik yang saya banyak kaitkan dengan hal-hal luar negeri.Saya ambil contoh ,bulan lepas di kepulauan samoa telah diadakan pilihan raya pada bulan Mei lepas.Dah ada Perdana Menteri Baru tapi Perdana Menteri lama bertindak mengunci parlimen kerana tidak mahu melepaskan jawatan.Jadi hal begini saya kaitkan dengan apa yang berlaku di negara kita.Ini yang dikatakan bidang geostrategi ia merangkumi semua bidang

Adam : Boleh Prof, kongsikan adakah penting geostrategi kepada negara?

Prof Azmi :Ye bagi saya penting .Sebagai contoh saya ambil satu incident [kejadian] kalau kita membuat keputusan tanpa mengambil kira hal-hal lain .Pihak berkuasa kita kata pesawat Israel itu melalui ruang udara kita setelah mendapat kebenaran.Ye betul ,kebenaran telah diberi tapi kalau sayalah sebagai seorang geostrategi saya kata tak boleh lalu.Kenapa saya kata tak boleh lalu , pertama ianya pesawat israel dan ianya bukan pesawat awam biasa .Ianya adalah pesawat yang

mempunyai kelengkapan risikan. Sebab isu ini sensitif tapi bila pihak berkuasa beri kebenaran maksudnya mereka tak sensitif tentang perasaan rakyat Malaysia dan pada ketika itu [ 20 June] serangan Gaza oleh Israel sedang berlaku .Jadi seharusnya bila pihak berkuasa kita buat keputusan tentang nak beri kebenaran dan tak beri kebenaran pihak berkuasa perlu ambil kira semua perkara, sensitiviti rakyat Malaysia pertama dan kedua apa yang berlaku di Gaza tapi ini tidak diambil. Jadi itu bezanya kalau seorang geostrategi buat keputusan sudah pasti ia tidak benarkan. Ini dikatakan betapa pentingnya bidang geostrategi ini ataupun seorang geostrategis .

Adam : Dalam bidang pekerjaan ada ke jawatan yang disediakan dalam perkhidmatan awam sebagai geostrategi ?

Prof Azmi : Takde, geostrategi adalah satu gelaran rekaan saya. Tapi apabila saya mengajar pelajar saya di Sekolah Perdana . Semua pelajar adalah pelajar yang sedang berkhidmat sebagai pegawai kerajaan. Saya selalu akan mengatakan bahawa tak kira di mana penempatan kerja kita sekalipun , kita kena tahu semua perkara agar memudahkan kita membuat keputusan , ini menunjukkan pentingnya pemikiran sebagai geostrategis bukannya jawatan geostrategis itu. Sebagai contoh Ketua Pengarah Kesihatan kita, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah merupakan pakar kesihatan awam tapi bila beliau bercakap beliau bidang beliau sahaja sangat spesifik tapi hal pandemic nie lebih luas lagi dari kesihatan ia berkait dengan ekonomi dan sosial. Kalau Tan Sri Dr Noor Hisham [Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ] seorang geostrategist cara pendekatan beliau mungkin berbeza . Saya rasa pendekatan beliau silap sebab dari hari pertama beliau bercakap tentang pandemic, semua berkisar tentang kes positif ini disebabkan beliau bercakap mengikut bidang kepakaran beliau. Ini menyebabkan kita di programkan apabila kes naik tujuh ribu kita risau apabila turun empat ribu kita suka. Saya cakap kalau beliau belajar geostrategi mungkin pendekatan beliau berbeza. Itu saya nak tekankan pentingnya pengetahuan luas terhadap satu hal kita mengambil kira hal-hal semua perkara. Jadi kalau nak jawab soalan Adam tentang jawatan dalam kerajaan, memang takde tapi pemikiran geostrategi amat ditagihkan kepada setiap penggubal dasar.

Adam : Adakah agensi kerajaan yang terlibat dengan geostrategi?

Prof Azmi : Takde memang takde sebab kementerian kita sangat spesifik .Kalau Kementerian Luar Negeri hanya mengenai dasar luar sahaja.MITI[Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri] mengenai ekonomi sahaja.Kementerian Kewangan mengenai fiskal sahaja.Orang yang tahu semua secara spesifik dan jawatan tu memang takde.

Adam : Boleh Prof kongsi pendapat Prof mengenai isu enam belas pesawat China melintasi perairan Malaysia ,apakah ini memberi kesan besar kepada kedaulatan Negara?

Prof Azmi :Terima kasih soalan tu,isunya hampir sama dengan pesawat Israel ,bagaimana kita menilai tu kena mengambil kira semua perkara.Memang betul pesawat China itu belum melangkaui ruang udara kedaulatan kita. Ruang kedaulatan kita adalah di atas peta kita tapi dia menghampiri .Yang paling penting adalah apakah tindakan selanjutnya.Sebagai contoh June 2016 terpampang dia akhbar Indonesia ,antara tajuk beritanya adalah F16 TNI angkatan udara indonesia mencegat Hackulist Malaysia .Mencegat adalah intercept[Memintas] .Hackulist kita adalah hackulist TUDM[Tentera Udara Diraja Malaysia] .Kenapa dia mencegat dan intercept [Memintas] adalah kerana dia kata hackulist TUDM[Tentera Udara Diraja Malaysia] menghampiri ruang udara Indonesia.Indonesia pandai menggunakan isu ini untuk meniupkan semangat nasionalis.Tapi hal pesawat PLA [pesawat pejuang PLA milik China] nie,kerajaan kita tak pandai .Dato Hishamuddin[Menteri Luar Malaysia] kata dia akan jumpa duta China bercakap hal ini minggu lepas tapi dia tak pergi sebab dia kena kuarantin katanya yang ganti dia adalah Timbalan Menteri Luar, Datuk Kamaruddin Jaafar yang berasal dari Tumpat .Tapi bila dia pergi tu isu ini nie tak timbul pun .Apabila adam tanya pasal pesawat PLA [pesawat pejuang PLA milik China] nie kita tak pandai menggunakan sesuatu isu itu untuk meniup semangat cinta negara.Untuk meniup semangat nasionalis mempertahankan kedaulatan negara .Isu ini terus dilupakan sahaja.Sebab itu pengetahuan geostrategist itu penting .Sebab kalau geostrategist bertindak lain tindakan yang diambil.Cara seorang geostrategist ialah dia mengucuri peluang . Sebab itu di indonesia dia kata batik dia lebih lawa dan cantik daripada batik Malaysia .Sebab tu dia kata sate Indonesia lebih sedap dari sate Malaysia sebab pemerintah mereka pandai meniupkan semangat nasionalis bahawa dan

mereka adalah terbaik dan dia pandai menggunakan isu-isu ini. Berbeza dengan kita yang tidak menggunakan isu-isu ini termasuklah isu pesawat PLA China 16 tu dia mati begitu je. Dia takde isu untuk menaikkan semangat cinta kan negara langsung takde. Ini adalah amat menyedihkan sekali.

Adam : Adakah isu ini menunjukkan kegagalan kerajaan dan China mempunyai objektif tertentu ?

Prof Azmi : Ye setiap perkara yang dibuat mesti ada objektif. China berkali-kali menceroboh ruang negara Taiwan kenapa mereka menceroboh adalah kerana nak menunjukkan kekuatan mereka kepada Taiwan sama juga dengan di Malaysia nak menunjukkan kekuasaan mereka di laut China selatan. Berkait soalannya pertama adakah ini menunjukkan kegagalan kerajaan, tapi TUDM [Tentera Udara Diraja Malaysia] dah hantar pesawat Hawk [pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia] dia dan ada gambar pun. Ini menunjukkan sistem pertahanan kita ok. Tapi masalahnya apa lepas tu, dia tak gunakan isu pesawat Hawk [pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia] ini membayangi pesawat PLA [pesawat pejuang PLA milik China] untuk mempamerkan bahawa dari segi kedaulatan TUDM [Tentera Udara Diraja Malaysia] on top of it "Berada dalam kedudukan terbaik dan teratas" langsung takde sebab mereka tak peka tentang isu ini. Dari segi kegagalan, ye tindakan susulan ini adalah kegagalan kerajaan kita.

Adam : Ketika ini kita sedang menjalani PKP [PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN] 3.0 pada pendapat prof, apakah bantuan yang kerajaan berikan sekarang mampu membantu untuk memastikan kelangsungan kehidupan rakyat ?

Prof Azmi : Ya memang banyak Pakej Bantuan Ransangan, Pakej Prihatin yang diberi oleh kerajaan. Nak kata mencukupi memang la sentiasa tak mencukupi kerana ramai daripada kita yang bekerja yang mendapat pendapatan harian. Kalau tak bekerja memang takde pendapatan dan seharusnya pakej rangsangan itu disasarkan kepada golongan ini. Bukan golongan B40 juga dia ada juga golongan M40 mereka dan bila tak bekerja tak dapat pendapatan yang seharusnya dikatakan diberi juga bantuan. Tumpuan banyak diberi kepada golongan B40 yang M40 banyak yang ditinggalkan. Sebab Adam, persepsinya sekarang saya melihat sekarang adalah kerajaan

agak kelam kabut sikit. Kenapa saya kata demikian ialah baru-baru nie kan keluar pelan pemulihan negara .Dia ada tiga faktor diperkenalkan di situ. Faktor pertama ialah faktor kes positif ,kedua ialah sistem kesihatan kita dan ketiga ialah proses vaksinasi tiga angkubah itu .Tapi kalau kita lihat Negara-negara lain seperti Amerika Syarikat contohnya exit plan dia .Tapi exit plan dia satu je dia punya faktor iaitu proses vaksinasi yang lain dia tak kira. Yang saya lihat tak betul adalah cara kerajaan "Saya keluar sikit dari pakej rangsangan " nampak kelam kabut sikit dalam menangani isu ini. Ramai yang complain [mengeluh] tentang pelan pemulihan itu amat cetek sekali dan tidak memberi realisasi sebenar kerana bagi saya kes positif itu tidak menggambarkan perkara sebenar ,ia ialah bias masalahnya adalah Tan Sri Dr Noor Hisham [Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia ]asyik kata kes positif sampai ke hari ini sebab tu kita tersangkut dengan kes positif.

Adam : Kekurangan bekalan vaksin salah satu faktor kadar vaksinasi Malaysia Perlahan ,adakah ini menunjukkan kegagalan negara dalam geopolitik dan geostrategi?

Prof Azmi :Ye kenapa kita gagal adalah kerana kita lambat membuat keputusan untuk perolehan vaksin saya ambil contoh ekstrim lah United Kingdom contoh yang terbaik semasa Pfizer membuat ujian klinikal fasa ke tiga,result belum keluar United Kingdom dah beli bukan dengan Pfizer je dengan AstraZeneca dia awal lagi beli .Ujian belum keluar lagi diorang dah beli dah Kita sini belum tahu lagi benda tu ada vaksin.Kita hanya buat perolehan bila dah lepas semua .Jadi sebab itu dikatakan bila dibandingkan dengan Singapura pun kita lambat membuat perolehan vaksin sebab tu kita lambat terima .Kita start lambat .Bila lambat harga lagi mahal .Kalau kita beli semasa ujian lagi kita dapat harga murah tapi kita lambat jadi kesannya sampai sekarang.Tapi bila YB Khairy Jamaluddin [Yang Berhormat ,Menteri Sains Dan Teknologi Malaysia ] kata negara-negara kaya bolot semua vaksin pun betul juga .Negara kaya seperti United Kingdom,Amerika Syarikat,Eropah dan Canada dia bolot sebab mereka beli awal lagi .Dia buat keputusan awal lagi .Kenapa kita buat keputusan lewat, Adam dan Nabil tahu tak sebab apa buat keputusan lewat. Sebab mereka sibuk berpolitik.Ye memang betul mereka sibuk berpolitik dalaman dan buat keputusan bila vaksin tu dah keluar dan Amerika Syarikat dah mula nak cucuk vaksin . Barulah kita buat perolehan memang la kita kena bayar lebih bukan bayar lebih tapi kena ikut turn jadi itu masalahnya dari segi perolehan vaksin kita lewat.Lewat membuat keputusan.

Adam : President Biden umum bahawa mereka akan edar stok berlebihan sebanyak 80 juta dos vaksin dan Thailand negara pertama umum USA sudah bersetuju untuk membantu mereka dapat vaksin ,adakah ini menunjukkan Malaysia tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Amerika Syarikat ?

Prof Azmi : Tidak ,soalan ini dikatakan berat sebelah tu bias [Berat Sebelah],Amerika Syarikat akan membahagikan vaksin berlebihan yang mereka ada tu melalui sistem Covax [COVID-19 Vaccines Global Access] .Covax [COVID-19 Vaccines Global Access] adalah satu sistem di mana pembahagian vaksin akan diberi kepada negara yang memerlukan dan Thailand di sini dianggap negara yang lebih miskin dari Malaysia dan sistem Covax [COVID-19 Vaccines Global Access] diberikan kepada negara lebih miskin yang lebih miskin bukan saja Thailand tapi di Afrika .Dan kalau you “Awak” tanya YB KJ [ Yang Berhormat Khairy Jamaluddin ,Menteri Sains Dan Teknologi ] Malaysia walaupun dalam sistem Covax [COVID-19 Vaccines Global Access] tapi kita berada dibawah sebab kita boleh bayar dan kita negara yang agak maju jadi ini takde kena mengena dengan hubungan baik Thailand dengan US[United States ,Amerika Syarikat ] dan Hubungan tak baik Malaysia dengan US [United States ,Amerika Syarikat ] dalam hal vaksin ini kerana pembahagian vaksin in menggunakan sistem Covax [COVID-19 Vaccines Global Access] yang diuruskan oleh WHO[ World Health Organization].

Adam : Adakah penting untuk Malaysia mempunyai hubungan baik dengan Negara-Negara pengeluar vaksin dan Negara-Negara besar seperti Amerika Syarikat,United Kingdom dan China untuk mendapat lebih vaksin mereka?

Prof Azmi :Ye.Ye yang bukan berat sebab vaksin yang didermakan .Didermakan ke sistem Covax [COVID-19 Vaccines Global Access] yang diuruskan oleh WHO [ World Health Organization].Kalau nak kata hubungan baik .Kita mempunyai hubungan baik dengan China.China dikatakan memberi secara terus kepada kita.Kalau saya ingat Sinovac [The CoronaVac vaccine is a vaccine that aims to protect against COVID-19.], saya tak pasti berapa dos tapi terus kepada negeri.Bukan saja kepada Malaysia tapi banyak juga kepada negara Afrika,negara Arab UAE [United Arab Emirates] ,Arab saudi umpamanya menerima terus sumbangan vaksin terus dari China kerana China dah

boleh kawal. Macam Amerika Syarikat kalau Pfizer dibuat di Jerman jadi ia bergantung kepada industri tersebut.

Adam : Pada pendapat Prof, apakah kerajaan sekarang telah melakukan yang sehabis baik untuk membendung pandemic ini?

Prof Azmi : Ye mereka melakukan sedaya upaya yang mereka upaya tapi bagi saya perkara ini boleh diperbaiki dan bagaimana untuk kita memperbaikinya adalah supaya cadangan daripada luar dapat diterima dan pada ketika ini katakan saya ada satu cadangan apakah cara saya nak bagitahu takde caranya .Kecuali dalam media sosial dan media sahaja. Dan sebab itu dikatakan parlimen adalah landasan terbaik untuk bagaimana cara untuk kita memperbaiki untuk cara kita menangani pandemic ini. Jadi bagi saya yang kerajaan telah lakukan sedaya upaya tapi bagi saya yang lebih baik boleh dilakukan tetapi macam mana nak lakukan itu kita gak terkekang paling utama adalah parlimen tidak bersidang itu masalahnya kita tak boleh menyoal YB Khairy Jamaluddin [ Yang Berhormat Khairy Jamaluddin ,Menteri Sains Dan Teknologi ] tak boleh sebab takde hujah di parlimen. Jadi itu yang kita terkekang dalam hal pandemic nie.

Adam : Apakah pilihan raya perlu selepas pandemic atau lebih baik kerajaan sekarang menghabiskan penggal mereka?

Prof Azmi :Ye kalau kerajaan sekarang menghabiskan penggal mereka .Mereka akan terlalu sibuk dengan politik dalaman. Kerana apa politik dalaman, kerana tekanan politik dari pembangkang. Kerana kerajaan sekarang kita kena ingat bahawa kerajaan hari ini adalah kerajaan minoriti dia tiada majoriti .Dia memang kerajaan minoriti GPS [Gabungan Parti Sarawak ] Sarawak dan Barisan Nasional [Parti] hanya membantu dari luar. Kalau nak kekalkan kerajaan sekarang saya takut efficient yang maksimum tidak dapat diperolehi jadi saya berpendapat jikalau pandemic ini dapat dikawal, jikalau lapan puluh peratus telah divaksinasi seharusnya mandat diberikan kepada rakyat untuk menentukan siapakah mereka perlu pilih itu sebaik-baiknya.



Adam : Adakah pandemic memberi kesan kepada politik Negara?

Prof Azmi :Ye ,Joe Biden ,Presiden Amerika Syarikat pernah berkata " beliau tidak akan menang ,tidak mampu mengalahkan trump kalau takde pandemic " . Dan beliau menang tu sebahagiannya disebabkan pandemik kerana cara Trump [Bekas Presiden Amerika Syarikat] berhadapan dengan pandemic tak betul dan politik tempatan pun ya.Ye jawapan saya memang betul pandemic ini memberi kesan mendalam kepada keadaan politik.Kerana senjata pandemic itu digunakan oleh pembangkang untuk menekan kerajaan sekarang.Sebab ,kalau kita tengok enam bulan pertama kerajaan Perikatan Nasional [ Parti] semua okay,semua suka kenapa suka sebab pandemic masih terkawal .Ia selepas enam bulan tu pandemic tak dapat dikawal mulalah semua orang hentam kerajaan .Jadi sebab itu saya katakan ia pandemic memberi kesan bukan saja kepada kerajaan tapi juga kepada senario politik secara keseluruhannya.

#### **D.HARAPAN**

Adam : Harapan Prof kepada kerajaan pasca pandemic?

Prof Azmi : Harapan saya adalah kepada kerajaan selepas pandemic tak kiralah melalui pilihan raya ke melalui sistem parlimen saya mahukan satu kerajaan yang stabil .Jadi bila kerajaan stabil itu mereka dapat menumpukan perhatian penuh untuk mengurus tadbir negara.Sebab sekarang pandemic dan status kerajaan minoriti tumpuan penuh tak dapat diberikan.Dan penting juga mereka yang memegang jawatan menteri adalah mereka yang selayak -layaknya iaitu mereka yang berkepakaran kerana pada ketika ini sesetengah kementerian saya tengok lansung sunyi sepi takde bunyi langsung menterinya.Macam holiday[Bercuti] betul sebab apa sunyi sepi ia takde idea la tu nak bagi cadangan jadi harapan saya selepas pandemic ini sama ada kerajaan baru atau kerajaan sekarang ke kerajaan yang lebih stabil supaya tumpuan dapat diberikan.

Adam : Boleh kongsiikan harapan dan nasihat Prof kepada pelajar-pelajar ipt terutamanya yang sedang belajar secara odl.

Prof Azmi :Online learning [Pembelajaran Atas Talian ] nie bukan saje menyeksakan pelajar ,pensyarah pun seksa sebab penat .Bagi saya setiap pelajar universiti apa yang dicakup oleh pensyarah sama juga masa face to face learning [Pembelajaran Bersemuka ] sikit je yang penting adalah selepas cakap kat kelas pelajar -pelajar kena kembangkan membaca dan mencari rujukan di luar.Sebab saya sebagai pensyarah kalau pelajar menjawab perfect [Sempurna] tapi apa yang dia jawab apa yang belajar di dalam kelas dia takde nilai tambah .Maksudnya dia boleh hafal nota kuliah saya tapi dia tak mencari di luar rujukan luar . Tapi bila saya membaca jawapan dia yang tak pernah saya ajar ,yang tak pernah saya bincang dalam kelas saya akan bagi markah yang tinggi walaupun lari sikit pun takpe .Sebab saya nampak usaha dia untuk mencari maklumat di luar bilik kuliah.Jadi itu ,tak kiralah semasa belajar online [Pembelajaran Atas Talian ] atau face to face [Pembelajaran Bersemuka ] yang paling penting selepas you dapat pelajaran online [Pembelajaran Atas Talian ] you [awak] kembangkan apa yang diberitahu oleh pensyarah you [awak] dengan rujukan-rujukan dari luar dan bila you [awak] jawab pensyarah akan tahu dari segi bahasa content [kandungan] dia lain tau ,dia lain sikit jangan ikut seratus peratus dalam nota kuliah jadi ini akan memberi kita markah yang lebih dan pensyarah akan akan rasa hormat kepada pelajar tersebut kerana ada keinginan untuk menambah pengetahuan diri sendiri .

Adam : Apakah hasrat Prof yang belum tercapai sebagai seorang pakar geostrategik?

Prof Azmi : Bagi saya , untuk buat buku banyak saya ada draf ,tapi tak pernah dicetak adalah dua tiga buku tapi itulah dikatakan hasrat saya .Draf pertama adalah mengenai hubungan Malaysia dengan Singapura dah lama dah saya buat tapi belum terhasil secara muktamad .Jadi kemungkinan saya akan berusaha lagi la selepas ini kerana untuk menulis sebuah buku dikatakan memerlukan masa dan konsentrasi yang banyak.Artikel Media saya banyak 1000 lebih saya ada artikel media [News Strait Times],[Berita Harian],[The Sun] dan [Utusan Malaysia] ada banyak tapi buku tu saya amat kurang sekali untuk memberi perhatian untuk menghasilkan sebuah buku.

Adam :Soalan terakhir Prof, harapan Prof kepada generasi sekarang yang berkecimpung dalam bidang geostrategi dan geopolitik?

Prof Azmi :Hasrat saya tak kira apa kursus yang diceburi,tak kiralah kursus political science [Sains Politik ] ke,information management [Pengurusan Maklumat] ke tak kira itu adalah sebagai asas dasar tak semestinya selepas graduate [Graduan] kita bekerja dalam bidang yang kita ambil tak semestinya .Sebab itu penting semasa kita di universiti kita belajar lebih dari yang diharapkan daripada kita.Sebab bila kita graduate [Graduan] kita boleh pergi ke mana saja.Jadi itu harapan sayalah kepada pelajar -pelajar universiti termasuk yang kursus information management [Pengurusan Maklumat] ini , kena tahu ambil tahu semua perkara supaya di alam pekerjaan nanti orang tak boleh buli kita dan juga kta boleh ceburi bidang lain jadi itu yang penting kita mulakan di universiti untuk menambah pengetahuan kita.

Adam : Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Prof Madya Sr.Azmi Hassan di sepanjang kerjaya beliau sebagai pakar geostrategi dan pensyarah. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang geopolitik dan geostrategi dan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Prof Azmi : Saya juga ucapkan terima kasih kepada Adam dengan Nabil kerana sudi menemu bual saya .Okay.Assalamualaikum.

Nabil & Adam : Waalaikumusalam.Terima Kasih Prof.

Prof Azmi : Sama-sama.

# RUJUKAN

## RUJUKAN

- Idris , R., & Abd Mutalib, Z. (2021, March 1). Malaysia pelihara hubungan baik dengan negara luar. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/791400/malaysia-pelihara-hubungan-baik-dengan-negara-luar>.
- Gita Irawan. (2021, March 13). Kepala Ksp Moeldoko: Vaksin Bukan Lagi Persoalan Obat, Tapi Geopolitik dan Geostrategi . (Theresia Felisiani, Ed.) *Tribunnews.com*. <https://www.tribunnews.com/nasional/2021/03/23/kepala-ksp-moeldoko-vaksin-bukan-lagi-persoalan-obat-tapi-geopolitik-dan-geostrategi>.
- Hisham , S. (2021, February 27). *Ketibaan Vaksin COVID-19 Sinovac Tanda Hubungan Baik Malaysia-China*. Malaysia Aktif. <https://malaysiaaktif.my/87311>.
- Kementerian Luar Negeri Malaysia, pmo.gov.my (2019). pmo.gov.my. <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Dasar-Luar-Malaysia.pdf>.
- KEMENTERIAN LUAR NEGERI, DASAR LUAR NEGARA : PENGENALAN DASAR LUAR NEGARA (n.d.). [https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/DASAR\\_LUAR\\_NEGARA.pdf](https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/DASAR_LUAR_NEGARA.pdf).
- Majlis Keselamatan Negara, pmo.gov.my (2019). pmo.gov.my. [https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Bahasa\\_Melayu-DASAR\\_KESELAMATAN\\_NEGARA.pdf](https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Bahasa_Melayu-DASAR_KESELAMATAN_NEGARA.pdf).
- Merriam-Webster. (n.d.). *Geostrategy*. Merriam-Webster. <https://www.merriam-webster.com/dictionary/geostrategy>.
- The Nation. (2021, June 13). Us pledges to help Thailand procure vaccines. *Thestar*. <https://www.thestar.com.my/aseanplus/aseanplus-news/2021/06/03/us-pledges-to-help-thailand-procure-vaccines>.
- Razak, N. (2021, June 19). *Dato Seri Najib Razak Minta Kerajaan Berunding dengan Amerika Syarikat Isu Lebihan Vaksin*. [https://m.facebook.com/najibrazak/photos/a.294787430951/10157928457630952/?type=3&source=48&\\_se\\_imp=0gxdC4vEKm4fglr03](https://m.facebook.com/najibrazak/photos/a.294787430951/10157928457630952/?type=3&source=48&_se_imp=0gxdC4vEKm4fglr03).
- Zaid, M. A. S., Izani, M. N., & Hasaan, A. (2021, June 20). Temubual Bersama Prof Madya Sr Azmi Hassan Pakar Geostrategik. personal.

# LAMPIRAN

## LOG WAWANCARA

Muhammad Nabil dan Muhammad Adam menemubual Profesor Madya Dr. Azmi Haji Hassan, yang dilahirkan pada tahun 1960 di Tumpat, Kelantan. Temubual dijalankan melalui Google Meet, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang pensyarah dan sebagai seorang pakar geostrategi dan pakar penganalisis politik.

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
0.01	Sesi pengenalan	Muhammad Nabil, Muhammad Adam Syafiq, Profesor Madya Dr. Azmi Hj Hassan
1.50	Tarikh lahir dan tempat lahir tokoh	Tahun 1960 , Tumpat, Kelantan.
5.00	Latar belakang pendidikan	SMK King George ke 5 UTM Universiti Wiconsin USA
10.55	Mengenai pekerjaan	Pensyarah, Universiti UTM, Pakar Geostrategi

15.00	Hobi	Membaca Novel
20.00	Menceritakan mengenai ibu bapa.	Ayah dan ibu tinggal di Pasir Mas Kelantan. Mereka semua telah kembali ke Rahmatullah, Ayah seorang pegawai KTM, Ibu suri rumah sepenuh masa.
23.00	Tempat tinggal.	Kuala Lumpur
35.00	Perkahwinan.	1983, Faridah Binti Lazim Bekerja sebagai Pereka Seni Grafik di UTM
40.00	Anak-anak dan pekerjaan	Nadia bekerja di A Ministry of Finance of Malaysia Nadira bekerja sebagai doktor



**BAHAGIAN 2: KERJAYA**

50.20	Menceritakan mula bertugas dengan <i>UTM</i>	Semasa Master, 1983.
55.00	Menceritakan mengenai tahun bersara.	2020, <i>UTM</i> Kuala Lumpur
63.00	Menceritakan pengalaman permulaan bertugas sebagai pensyarah.	1984,  Ketua Jabatan.
67.46	Menceritakan pengalaman	Manis – dapat memberi sumbangan
70.25	Menceritakan pendorong utama sehingga mencapai kejayaan.	1. Keluarga,  2 Rakan
74.55	Menceritakan kejayaan yang dicapai selain menajdi seorang pensyarah.	Geostrategis dan Penganalisis Politik

### BAHAGIAN 3: Sumbangan ,Harapan dan Pandemik Covid -19

81.00	Menerangkan mengenai geostragis.	Geostrategi adalah satu ungkapan yang saya buat mengaitkan dua bidang utama geo adalah bidang yang saya pelajari iaitu geomatic dan geospacial
92.00	Menceritakan isu enam belas pesawat China melintasi perairan Malaysia	Ruang kedaulatan kita adalah di atas peta kita tapi dia menghampiri. Yang paling penting adalah apakah tindakan selanjutnya.
103.48	Menerangkan mengenai PKP [PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN] 3.0	Banyak Pakej Bantuan Ransangan Pakej Prihatin yang diberi oleh kerajaan.Nak kata mencukupi memang la sentiasa tak mencukupi kerana ramai daripada kita yang bekerja yang mendapat pendapatan harian.
115.45	Harapan kepada kerajaan pasca pandemic	Mahukan satu kerajaan yang stabil Jadi bila kerajaan stabil itu mereka dapat menumpukan perhatian penuh untuk mengurus tadbir negara.

## DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	PERKARA	TINDAKAN
2.00 petang	27 Mac 2021	Memilih subjek dan tokoh yang sesuai untuk ditemuramah	Menyenarai pendek tokoh yang dipilih.
2.00 petang	29 Mac 2021	Membuat keputusan untuk menukar tokoh kerana tokoh yang dipilih telah dipilih oleh senior kami sebelumnya	Mencari tokoh lain.
10.00 pagi	5 April 2021	Memilih Prof. Madya Dr Azmi Bin Haji Hassan sebagai tokoh baru.	Mendapatkan nombor telefon beliau.
5.00 petang	12 April 2021	Berhubung menerusi aplikasi Whatsapp untuk bertanya kesudian untuk ditemuramah.	Menunggu jawapan.
9.00 pagi	16 April 2021	Mendapat kebenaran dari pihak tokoh untuk ditemuramah.	Merujuk kepada pensyarah untuk , memaklumkan bahawa tokoh kami sudah sedia untuk di temu bual
2.00 petang	19 April 2021	Mencari maklumat mengenai beliau dan juga geostrategik	Membina soalan temubual yang berkaitan.
10.00 pagi	4 Mei 2021	Membuat perundingan dengan pensyarah mengenai <i>questionnaire</i> yang dibuat	Membaiki format dan Menambahbaik soalan

9.00 pagi	17 Mei 2021	Menghantar <i>questionnaire</i> kepada tokoh untuk di selidiki dahulu	Menambahbaik soalan dan memaklumkan tarikh dan masa untuk sesi temubual
5.00 petang	20 Mei 2021	Sesi temubual bermula dan tamat pada pukul 7 petang	Menggunakan platform Google Meet dan merekod video temubual kami melalui platform tersebut
8.00 malam	27 Mei 2021	Memulakan proses <i>transcribe</i> suara tokoh yang dirakam untuk pendokumentasian.	Merujuk kepada format yang telah ditetapkan oleh pensyarah.
8.00 malam	27 Jun 2021	Proses <i>transcribe</i> berjaya disiapkan	Memeriksa kembali format dan juga ejaan pada <i>transcribe</i>
8.00 pagi	28 Jun 2021	Proses <i>menulis</i> artikel bermula	Membuat sebuah artikel mengenai tokoh kami
3.00 petang	15 Julai 2021	Artikel berjaya disiapkan	Membuat penilaian dan memeriksa kembali kualiti artikel kami
3.00 petang	26 Julai 2021	Proses penghantaran soft copy kepada pensyarah	Membuat penghantaran melalui Google Clasroom iaitu untuk soft copy
2.00 pagi	8 Ogos 2021	Proses penghantaran transkrip lengkap kepada pensyarah	Membuat penghantaran transkrip lengkap melalui Google Clasroom
10.00 pagi	10 Ogos 2021	Proses melakukan laporan hard copy bermula	Menghantar softcopy ke kedai untuk dibuat hardcopy

10.00 pagi	12 Ogos 2021	Mengambil laporan yang telah siap di kedai buku.	Membayar sejumlah harga untuk <i>hardcover</i> .
10.00 pagi	19 Ogos 2021	Menghantar laporan lengkap kepada pensyarah.	

# **SOALAN TEMURAMAH**

## SOALAN TEMURAMAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang geopolitik dan geostrategi. Bersama- sama kami ialah Prof. Madya Sr. Azmi Hassan yang merupakan pakar geostrategi. Rakaman ini dijalankan secara online menerusi aplikasi google meet. Temubual ini dikendalikan oleh Muhamad Nabil Bin Izani dan Muhammad Adam Syafiq Bin Mohamed Zaid. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

### A. Latar belakang

1. Apakah nama penuh prof dan nama panggilan prof ?
2. Bilakah tarikh lahir prof ?
3. Berapakah umur prof sekarang?
4. Apakah nama penuh ayah prof ?
5. Apakah pekerjaan beliau ?
6. Apakah nama penuh ibu prof ?
7. Dimanakah ayah dan ibu prof menetap ?
8. Adik beradik prof ada berapa orang?
9. Berapa lama tempoh prof menetap di negeri kelahiran ?
10. Sekarang prof menetap dimana ?
11. Apa faktor prof memilih untuk menetap di sini berbanding negeri kelahiran ?
12. Pada tahun berapa prof mula menetap di sini ?
13. Hobi prof pula bagaimana ?
14. Mengenai latar belakang pendidikan adik-beradik prof adakah mereka semua berjaya melanjutkan ke universiti seperti prof ?
15. Berdasarkan apa yang kami tahu, prof sudah mendirikan rumah tangga, pada tahun bila prof mendirikan rumah tangga?
16. Apakah nama penuh isteri prof?
17. Pekerjaan beliau pula ?
18. Prof mempunyai berapa orang cahaya mata ?
19. Adakah mereka masih belajar ataupun sudah bekerja prof ?
20. Jikalau mereka sudah bekerja apakah pekerjaan mereka prof ?
21. Berapa orang anak prof yang sudah mendirikan rumah tangga?
22. Buat masa sekarang mereka tinggal bersama prof ?
23. Bagaimanakah cara prof mendidik anak-anak prof sehingga berjaya?

## **B. Pendidikan**

24. Dimana prof mendapat pendidikan awal/bersekolah rendah?
25. Pada tahun berapa prof bersekolah menengah?
26. Semasa zaman persekolahan, adakah prof aktif bersukan/berpersatuan?
27. Prof boleh kongsi tak, pencapaian tertinggi yang prof pernah capai dalam bidang kokurikulum?
28. Kalau di peringkat universiti pula bagaimana prof ?
29. Pada zaman persekolahan mesti prof mempunyai teman rapat, adakah sampai sekarang prof masih rapat dengan beliau ?
30. : kalau di universiti pulak prof, kawan-kawan prof ?
31. Baik prof. Dalam bidang akademik, apakah subjek yang prof paling minat dan paling tidak minat?
32. Kalau subjek yang prof tidak minati pula bagaimana ?
33. Apakah pengalaman manis dan pahit sepanjang persekolahan?
34. Kalau zaman universiti pula bagaimana prof?
35. Selepas tamat persekolahan, adakah prof terus melanjutkan pelajaran atau bekerja dahulu?
36. Adakah prof mengambil tahap lanjutan dalam pendidikan tinggi?
37. Apakah kursus yang prof ambil ketika itu ?
38. Adakah prof ambil kursus tu kerana minat?
39. Prof masih ingatkah tahun berapa prof sambung master dan phd tu?
40. Adakah prof berhasrat untuk mengambil kursus tersebut?
41. Pada pendapat prof, adakah teman seperjuangan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran prof ?
42. Apakah tahap pendidikan tertinggi prof buat masa sekarang ?
43. Okay kita beralih kepada seksyen seterusnya iaitu pekerjaan awal. Apakah pekerjaan pertama prof setelah tamat pengajian?
44. Di utm mana tu prof masa mula-mula prof mengajar?
45. Apakah faktor yang menyebabkan prof bekerja di situ ?
46. Siapa yang mendorong prof untuk bekerja di situ?
47. Okay kita beralih kepada pengalaman kerja pula. Jika prof masih ingat bilakah prof mula berkhidmat sebagai seorang pensyarah?



48. Sepanjang setahun tu prof kena masuk kursus ke?
49. Kenapa prof memilih untuk menjadi seorang pensyarah?
50. Apakah tugas yang dipertanggungjawabkan kepada prof ?
51. Boleh prof kongsi pengalaman pahit ataupun manis sepanjang prof bekerja di utm.
52. Boleh prof kongsi sedikit rahsia kejayaan prof. Apakah rahsia itu.
53. Boleh prof kongsi tak 1 novel yang prof minati.
54. Baik prof, terima kasih. Disebalik kejayaan prof, siapakah pendorong utama prof untuk berjaya?
55. Pernah ke prof menghadapi saat-saat kejatuhan dan bagaimana prof menghadapinya?
56. Apakah masalah yang selalu dihadapi prof semasa menjadi seorang pensyarah?
57. Bagaimanakah prof membahagikan antara masa untuk bekerja dan masa untuk keluarga?
58. Prof berkhidmat sebagai pensyarah berapa lama ?
59. Sepanjang prof menjadi seorang pensyarah, apakah sumbangan prof kepada negara ?
60. Baik prof. Okey prof semasa saya mencari maklumat prof di internet, berdasarkan kajian prof pernah bekerja pernah bekerja di institute of geospatial betul ke?
61. Baik prof, ok prof. Apa itu institute of geospatial?
62. Apakah peranan prof semasa berkhidmat di institute of geospatial ?
63. Saya juga dapat tahu prof juga pernah bekerja di perdana school, betul ke ?
64. Bagaimana prof ditawarkan untuk bekerja di perdana school dan insteg ?
65. Okey prof, adakah prof lebih selesa dalam bidang pendidikan ataupun dalam bidang politik ni prof?

### **C. Sumbangan**

66. Secara ringkas ,apa itu geostrategi prof?
67. Boleh prof, kongsi adakah penting geostrategi kepada negara?
68. Dalam bidang pekerjaan ada ke jawatan yang disediakan dalam perkhidmatan awam sebagai geostrategi ?
69. Adakah agensi kerajaan yang terlibat dengan geostrategi?
70. Boleh prof kongsi pendapat prof mengenai isu enam belas pesawat china melintasi perairan malaysia ,apakah ini memberi kesan besar kepada kedaulatan negara?
71. Adakah isu ini menunjukkan kegagalan kerajaan dan china mempunyai objektif tertentu ?
72. Ketika ini kita sedang menjalani pkk [perintah kawalan pergerakan] 3.0 pada pendapat prof ,apakah bantuan yang kerajaan berikan sekarang mampu membantu untuk memastikan kelangsungan kehidupan rakyat ?

73. Kekurangan bekalan vaksin salah satu faktor kadar vaksinasi malaysia perlahan ,adakah ini menunjukkan kegagalan negara dalam geopolitik dan geostrategi?
74. President Biden umum bahawa mereka akan edar stok berlebihan sebanyak 80 juta dos vaksin dan Thailand negara pertama umum USA sudah bersetuju untuk membantu mereka dapat vaksin ,adakah ini menunjukkan Malaysia tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Amerika Syarikat ?
75. Adakah penting untuk Malaysia mempunyai hubungan baik dengan negara-negara pengeluar vaksin dan negara-negara besar seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan China untuk mendapat lebih vaksin mereka?
76. Pada pendapat Prof, apakah kerajaan sekarang telah melakukan yang sehabis baik untuk membendung pandemic ini?
77. Apakah pilihan raya perlu selepas pandemic atau lebih baik kerajaan sekarang menghabiskan penggal mereka?
78. Adakah pandemic memberi kesan kepada politik negara?

#### **D. Harapan**

79. Apa harapan Prof kepada kerajaan pasca pandemic?
80. Boleh kongsi harapan dan nasihat Prof kepada pelajar-pelajar IPT terutamanya yang sedang belajar secara ODL.
81. Apakah hasrat Prof yang belum tercapai sebagai seorang pakar geostrategik?
82. Soalan terakhir Prof, harapan Prof kepada generasi sekarang yang berkecimpung dalam bidang geostrategi dan geopolitik?

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Prof Madya Sr. Azmi Hassan di sepanjang kerjaya beliau sebagai pakar geostrategi dan pensyarah. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang geopolitik dan geostrategi dan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# **SURAT PERJANJIAN**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERJANJIAN  
MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya **Azmi Bin Haji Hassan** K/P: pada **22 Jun 2021** dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakandi antara saya dengan Universiti Teknologi MARA.

Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh ( nterviewee).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
  - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik- penyelidik.

(Nama tokoh: Azmi Bin Haji Hassan )  
Tarikh: 7 Ogos 2021

(Nama pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)  
b.p.Dekan  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
Universiti Teknologi MARA

# **GAMBAR**



*Gambar 1: Gambar ketika temubual dijalankan secara online melalui aplikasi Google Meet , dari kiri Muhammad Nabil Bin Izani, Muhammad Adam Syafiq dan Profesor Madya Sr Azmi Hassan*

# INDEKS

## INDEKS

### A

Amerika Syarikat 8,11,12,16,27,28,29,30

AstraZeneca 4,27

### C

*Covid-19* 28

COVID-19 Vaccines Global Access(COVAX) 28

China 25,26,28

### E

Engineering 11 ,23

### G

Geodesi 8,10,11

Geostrategi 21,23,24,25,27,32

Geostrategist 24,25,

Geospatial 20,21,22,23

GPS satellite 8,10,11,12,13

### I

Institute 20,21,22

### K

Kerajaan 17,18,19,24,25,26,30

### M

*Malaysia* 25,26,27,28

### P

Parti 18,29,30

Pfizer 29,27

Positif 17,24,27

### S

Sinovac 28

### T

Tan Sri Dr Noor Hisham 24,27

Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) 25,26



**U**

United Kingdom 27,28

Universiti Teknologi Malaysia 5,8,10,11,13,14,15,16

**V**

Vaksin 4,27,28

Vaksinasi 27

**W**

World Health Organization 28

**Y**

Yang Berhormat Khairy Jamaluddin ,Menteri Sains Dan Teknologi 27,28,29